



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

SEMINAR MENINGKATKAN PRODUKTIVITI INDUSTRI SAWIT SARAWAK

Dirasmikan oleh
YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tiga dari kanan) mempengerusikan sesi dialog bersama pihak industri sawit di Sibu, Sarawak. Turut serta Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri) dan Aknan Ehtook (dua dari kanan).

Melalui amalan sawit mampan dan pengeluaran buah sawit berkualiti, pekebun kecil berupaya mendapat tawaran harga lebih tinggi, sekali gus memperluaskan peluang pasaran minyak sawit Malaysia di luar negara.

Menurutnya, kerajaan telah menubuhkan Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC) bagi melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan yang memabitkan sektor pekebun kecil mengikut kriteria dan standard pensijilan MSPO.

“Sehingga kini 25,300 hektar kawasan tanaman sawit yang diusahakan oleh pekebun kecil telah memperoleh pensijilan mampan MSPO.

Datuk Amar Douglas menggesa pekebun kecil meningkatkan pengetahuan mengenai pengedaran buah tandan segar dan kaedah pengiraan harga buah sawit yang ditawarkan oleh pihak pengilang dan peniaga buah bagi penetapan harga yang setimpal dengan kualiti buah sawit yang dibekalkan.

Operasi Sawit Kenyalang

Bagi membendung kegiatan jual-beli buah sawit curi, beliau berkata MPOB akan mengambil tindakan penguatkuasaan melalui Operasi Sawit Kenyalang yang dilaksanakan sejak tahun 2014.

Operasi Sawit Kenyalang bertujuan membanteras kegiatan jual-beli buah sawit curi melalui tindakan bersepadu MPOB kepada pembeli dan penjual buah sawit melibatkan pekebun kecil, peniaga buah dan kilang.

Sehingga Jun 2015, MPOB telah mengambil tindakan termasuk mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada 77 pelesen yang didapati melanggar syarat pelesenan MPOB. Sebanyak 12 lesen telah dibatalkan, satu digantung dan 51 diberi amaran kerana terbabit dengan aktiviti jual-beli buah sawit curi.

Pada majlis itu, Datuk Amar Douglas juga menyampaikan Sijil Amalan Pertanian Baik kepada pekebun kecil dan penyampaian skim bantuan baja kepada pekebun kecil dari Bahagian Sibu.

kan pengetahuan bagi memajukan penanaman sawit dan meningkatkan pendapatan.

Hadir sama, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu, MPIC, Aknan Ehtook.

Amalan pertanian baik

Beliau berkata, pematuhan amalan pertanian baik dan penggunaan teknologi dalam penanaman sawit berupaya meningkatkan kecekapan kerja dan produktiviti pengeluaran hasil buah sawit.

Katanya, kerajaan memberi tumpuan kepada sektor pekebun kecil bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan termasuk melalui penyediaan bantuan tanam semula dan tanam baharu yang disediakan melalui pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit.

“Bagi membantu pekebun kecil melaksanakan pensijilan pengeluaran minyak sawit mampan, kerajaan menyediakan dana RM53 juta di bawah pensijilan minyak sawit mampan dikenali Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

“Pekebun kecil perlu melakukan perubahan minda dan berusaha meningkatkan pengetahuan bagi memajukan penanaman sawit dan meningkatkan pendapatan”

Douglas Uggah Embas,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

dan pengusaha tapak semaian menyertai Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak dan dialog bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Program anjuran MPOB bertujuan memberi penerangan kepada peserta dalam industri sawit khususnya pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan sejajar dengan usaha transformasi pembangunan pekebun kecil yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui MPOB.

Berucap pada majlis perasmian, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata pekebun kecil perlu melakukan perubahan minda dan berusaha meningkat-

‘Ubah minda, usaha tingkat pengetahuan’

» Pembabitan industri, pekebun kecil jayakan transformasi industri sawit

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

► SIBU

Seramai 400 peserta industri sawit terdiri daripada pekebun kecil, pengusaha ladang, peniaga buah sawit, kilang

RM25 juta untuk skim bantuan baja

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Sejumlah RM25 juta diperuntukkan bagi membantu pekebun kecil sawit memperoleh baja, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian hasil buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi.

“Peruntukan itu disalurkan

melalui MPOB untuk diagihkan kepada pekebun kecil sawit melalui Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK)”, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Katanya, SBSPK terbuka kepada pekebun kecil yang telah menanam sawit tetapi tidak menyertai Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) atau Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK).

“Skim ini bagi memberi bantuan baja kepada pekebun kecil sawit bagi meningkatkan produktiviti hasil buah tandan segar (BTS) pekebun kecil.

Katanya, skop bantuan ini adalah berupa bekalan baja sebatian yang ditentukan jenisnya oleh MPOB untuk pokok sawit dengan nilai tidak melebihi RM 3,000 per hektar dalam tempoh 2 tahun.

Beliau turut menggesa pekebun kecil yang berminat untuk hadir ke pejabat MPOB yang ber-

hampiran untuk mendapatkan butiran lanjut.

Permohonan bagi mendapatkan SBSPK dibuka mulai Januari tahun ini. Di bawah skim ini pekebun kecil persendirian yang menanam sawit tanpa mendapat bantuan sama ada daripada Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) atau Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dipelawa untuk permohonan bantuan baja di bawah SBSPK.

► Lihat Muka 2

Pada keseluruhannya prestasi industri minyak sawit bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 adalah mencabar akibat kemerosotan ekonomi dunia. Pengeluaran dan eksport minyak sawit telah masing-masing merosot sebanyak 0.2% dan 3.7%. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, harga CPO menurun sebanyak 14.8% atau RM386.00 setan kepada RM2,219.00 setan berbanding RM2,605.00 setan pada tempoh yang sama tahun 2014. Kejatuhan harga CPO ini dipengaruhi oleh harga minyak sayuran dunia yang lemah, kejatuhan harga minyak mentah (Brent) dunia dan kelemahan permintaan minyak sawit dari pengimport utama dunia.

Bagi mengatasi cabaran ini, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengumumkan program biodiesel B10 (adunan 10 peratus biodiesel berasaskan minyak sawit dan 90 peratus diesel petroleum) yang dijangka dilaksanakan pada Oktober 2015. Pelaksanaan ini akan meningkatkan penggunaan minyak sawit tempatan sebanyak sejuta tan setahun dan menstabilkan harga minyak sawit. Sungguhpun begitu, proses konsultasi masih sedang dijalankan dengan pihak berkepentingan seperti syarikat automotif, syarikat petroleum dan syarikat biodiesel untuk mendapatkan maklum balas.

Malaysia juga berbincang dengan Indonesia untuk mengambil langkah-langkah mengukuhkan harga sawit. Di antara tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan ialah meningkatkan program biodiesel di negara masing-masing serta menyegerakan penanaman semula pokok sawit tua.

Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pengeluaran minyak sawit negara, MPOB turut meluaskan penggunaan Cantas Evo di ladang-ladang sawit. Cantas Evo adalah sebuah alat penuai tandan bermotor ciptaan MPOB yang berupaya untuk menuai tandan buah sawit dengan lebih efisien. Bagi mencungkil bakat dalam pembangunan alat-alat penuaian yang lebih inovatif, MPOB dan pihak Kerajaan turut menganjurkan Pertandingan Antarabangsa Mekanisasi Sawit bagi kali kedua iaitu ICOPM 2 dengan pemberian hadiah sebanyak US\$1 juta untuk pemenang pertama. Pertandingan ini telah dilancarkan semasa Seminar Pemandangan Teknologi (TOT) MPOB 2015 oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan maklumat lanjut boleh diperolehi di laman sesawang www.mpo.gov.my. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 November 2015.

Selain itu, MPOB telah mengenal pasti ladang-ladang sawit yang kurang produktif dengan menggunakan teknologi pemetaan sistem penentu kedudukan global (GPS) yang terbaru dan mencadangkan tindakan-tindakan untuk meningkatkan hasil ladang-ladang berkenaan. Bagi pekebun kecil pula, MPOB telah menempatkan pegawai-pegawai tunjuk ajar dan nasihat sawit (TUNAS) bagi memberi khidmat nasihat untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Untuk jangka masa panjang, bagi mengukuhkan permintaan dan penerimaan minyak sawit di pasaran dunia, MPOB telah menjalankan program penyelidikan dan pembangunan yang lebih intensif. Antaranya termasuk penyelidikan pemakanan yang menunjukkan bahawa minyak sawit dan minyak zaitun (iaitu minyak premium bernilai tinggi) mempunyai kesan yang sama terhadap tahap kolesterol manusia sungguhpun harga minyak sawit yang lebih kompetitif berbanding minyak zaitun dan pembangunan aplikasi-aplikasi baru minyak sawit.

Kerajaan turut menyediakan insentif sebagai rangsangan bagi industri minyak sawit tingkatkan aktiviti hiliran yang bernilai tinggi. Bagi merangsang lebih banyak aktiviti hiliran sawit, Kerajaan telah memperkenalkan dua Projek Permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), iaitu EPP 6 bagi menghasilkan derivatif oleo yang bernilai tinggi dan EPP 8 bagi menggalakkan pertumbuhan segmen makanan dan kesihatan berasaskan sawit. Aktiviti-aktiviti hiliran sawit ini dapat meningkatkan pendapatan industri sawit Malaysia serta membolehkan pengeluaran sawit bagi mengatasi cabaran kemerosotan ekonomi.

Pihak Kerajaan, MPOB dan ahli-ahli industri sawit telah bersama-sama menjalankan pelbagai usaha sewajarnya bagi menangani cabaran ekonomi. Semoga prestasi industri sawit pada setengah tahun kedua akan bertambah baik, MPOB akan terus menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta promosi teknikal di luar negara bagi meningkatkan permintaan keluaran sawit. Usaha meningkatkan produktiviti juga akan terus dilaksanakan. Ini akan memastikan pertumbuhan pendapatan industri sawit negara terutamanya pekebun kecil sawit.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

**Ketua Pengarah
MPOB**

Operasi B7 di Sarawak sepenuhnya September depan

» Semua stesen minyak dibekal biodiesel sawit selepas IOT Kuching siap

► Kuching

Sarawak bakal menggunakan biodiesel sawit B7 di semua stesen minyak apabila loji biodiesel iaitu Terminal Minyak Bebas (IOT) Kuching beroperasi sepenuhnya menjelang September depan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata loji IOT Kuching itu adalah satu daripada lima kemudahan pengadunan biodiesel di Sarawak.

“Saya melawat loji pengadunan ini bagi memastikan kemudahan bersedia untuk pelaksanaan sepenuhnya program biodiesel di Sarawak.

“Loji baharu ini menelan kos RM12 juta dan sehingga kini beroperasi hanya 50 peratus. Di Sarawak kita mempunyai lima kemudahan pengadunan biodiesel iaitu di Bintulu, dua di Miri, Tanjung Manis serta Kuching (IOT).

“Kita percaya dengan pelaksanaan di Kuching, Sarawak akan menggunakan B7 sepenuhnya menjelang September,” katanya ketika ditemui pemberita semasa lawatan ke Loji Pengadunan di IOT Kuching di Jalan Bako di sini, baru-baru ini.

Katanya, B7, iaitu adunan tujuh peratus biodiesel sawit dengan 93 peratus diesel petroleum yang diperkenalkan pada November 2014 di Semenanjung Malaysia ju-



“ Dengan cara ini kita berharap program ini serba sedikit akan menstabilkan harga minyak sawit”

Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

ga sudah diperkenal dan berada di stesen minyak di Sarawak.

“Bermakna tujuh peratus daripada minyak diesel dijual di stesen minyak kita adalah dari minyak sawit. Apabila kita melaksanakan program di seluruh negara, ia akan mengguna 700,000 tan minyak sawit mentah.

Tingkat penggunaan sawit

“Ini satu langkah meningkatkan penggunaan sawit dalam negeri. Dengan cara ini kita berharap program ini serba sedikit akan menstabilkan harga minyak sawit,” tegasnya.

Beliau berkata, diharap menjelang Oktober 2015, negara melangkah ke penggunaan B10, namun ia masih dalam proses perundingan bersama pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan.

“Buat masa ini, kita masih dalam proses perundingan dan menunggu maklum balas sepenuhnya daripada pelbagai pihak berkepentingan mengenai rancangan pelaksanaan B10 men-

jelang Oktober tahun ini,” katanya.

Beliau berkata, sebaik sahaja mendapat maklum balas sepenuhnya, penilaian akan dibuat untuk pelaksanaan B10.

Katanya, apabila formula itu diguna pakai, sekurang-kurangnya negara akan menggunakan satu juta tan minyak sawit mentah untuk biodiesel bagi kegunaan domestik.

Malahan katanya, ia membolehkan negara beralih daripada penggunaan B7 ke B10 atau kembali ke B7 bergantung kepada situasi pasaran minyak sawit secara global.

Sehingga kini, Sarawak dianggarkan mengeluarkan hasil 71,000 metrik tan setahun bagi B7 dengan 175 buah stesen minyak terbabit menjual diesel berkenaan.

Secara keseluruhannya 3,198 stesen minyak di seluruh negara menjual diesel B7 di mana 2,832 buah di Semenanjung, 191 buah stesen minyak di Sabah dan 175 buah stesen di Sarawak.

BERNAMA

Syarat permohonan SBSPK

► Dari muka 1

Syarat permohonan SBSPK adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.

- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar. Had maksimum bantuan adalah 3 hektar sahaja.

- Menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang

sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing.

- Telah menanam semula atau tanam baru sawit di antara tahun 2011 hingga 2014.

- Tidak menerima bantuan TSSPK atau TBSPK yang bermula daripada tahun 2011.

- Syarat tanah adalah untuk tanaman sawit atau pertanian atau tiada sekatan untuk tanaman sawit.

- Kawasan tanaman adalah sesuai seperti kecerunan kurang da-

ripada 25 darjah, bukan kawasan air bertakung dan mempunyai akses untuk pengeluaran dan jualan hasil sawit.

Permohonan SBSPK hendaklah dikemukakan kepada Pegawai TUNAS di Pejabat TUNAS MPOB terdekat dengan tanah ditanam sawit.

Kelulusan permohonan untuk skim ini tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan peruntukan. Borang permohonan boleh didapati daripada pejabat TUNAS terdekat dan laman web MPOB di www.mpo.gov.my

Warga MPIC digesa lebih kompeten

» Langkah proaktif bagi hadapi cabaran, persaingan era globalisasi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Warga kerja Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan agensi serta majlis di bawahnya digesa agar lebih kompeten bagi menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan dalam era globalisasi pada masa ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan

Bulanan dan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran kementeriannya, di sini baru-baru ini.

“Warga MPIC harus menyambut baik usaha transformasi yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan iaitu Gagasan 1Malaysia, Government Transformation Programme (GTP), Economic Transformation Programme (ETP) melalui Model Baru Ekonomi dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11.

Tandingi negara maju

Katanya, langkah proaktif ini bertujuan menjadikan negara kita mampu menandingi bukan sahaja negara serantau, tetapi negara maju lain menjelang tahun 2020.

“Justeru, negara memerlukan satu Perkhidmatan Awam berprestasi tinggi dan dianggotai penjawat awam yang berkompoten, bermotivasi tinggi dan berdisiplin untuk menghadapi situasi ini.

“Kerajaan sebagai majikan terbesar di negara ini, sememangnya mengutamakan kebajikan



“Negara memerlukan satu Perkhidmatan Awam berprestasi tinggi dan dianggotai penjawat awam yang **berkompoten, bermotivasi tinggi dan berdisiplin untuk menghadapi situasi ini**”

Douglas Uggah Embas,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Douglas Uggah Embas ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Bulanan dan Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi baru-baru ini.

penjawat awam.

“Sebagai contoh, walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kerajaan telah membelanjakan lebih RM1 bilion sebagai bantuan khas untuk meringankan beban penjawat awam dan pesara dalam persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri, baru-baru ini.

Katanya, keperihatinan kerajaan terhadap penjawat awam dan

pesara amat jelas sekali.

“Sebagai balasan, saya yakin semua warga MPIC akan memastikan segala tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas dalam memenuhi tuntutan kerja.

“Sikap amanah dan ikhlas bekerja sekiranya menjadi asas dalam pekerjaan, saya yakin kecemerlangan dapat ditampilkan.

Katanya, sebagai penjawat

awam bertanggungjawab yang dipikul adalah besar, kerana berkhidmat untuk negara dan demi kepentingan awam.

“Tanggungjawab yang dipikul mestilah berpaksikan kepada amanah dan menuntut untuk kita berlaku ikhlas dan jujur dalam segala perbuatan dan pekerjaan untuk merealisasikan misi dan visi negara.

Tulang belakang utama

Beliau juga percaya, warga MPIC sejak sekian lama menjadi tulang belakang utama kepada kemakmuran ekonomi negara melalui pewujudan dan pelaksanaan pelbagai dasar negara yang berkaitan sektor komoditi.

Tambahnya, dari sebuah negara yang bergantung sepenuhnya kepada sektor hulu komoditi untuk menjana ekonomi dan pendapatan eksport negara, kini Malaysia berjaya mentransformasikan sektor komoditi dengan mempelbagaikan produk industri hiliran yang saban tahun berjaya meningkatkan eksport dan hasil negara.

“Kejayaan ini adalah usaha keras anda sebagai warga MPIC yang merupakan ‘pahlawan yang tidak didendang’,” katanya.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah Kasnon, Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh, Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato’ Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Syarikat swasta dipelawa bina kilang sawit di Sarawak

Sibu: Syarikat swasta dipelawa membina lima kilang sawit bebas, iaitu kilang yang tidak memiliki ladang di Sarawak untuk menampung keperluan industri sawit di negeri ini yang pesat berkembang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata setakat ini tiada kilang sawit bebas dibina di negeri ini dan kebanyakan kilang yang beroperasi adalah milik syarikat perladangan.

Bagaimanapun, katanya kapasiti kilang berkenaan tidak dapat menampung keperluan industri sawit di Sarawak.

Buka ladang sawit

“Syarikat swasta yang berminat tidak disyaratkan memiliki atau membuka ladang sawit,” katanya selepas perasmian Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak di sini, baru-baru ini.

“Permohonan boleh dibuat kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) secara dalam talian. Selepas mendapat kelulusan, mereka diberi tempoh dua tahun untuk menyiapkan pembinaan kilang tersebut,” katanya.

Beliau berkata kilang sawit bebas itu boleh membeli secara terus buah tandan segar (BTS) daripada pekebun kecil di negeri ini yang sebelum ini menjual kepada kilang milik syarikat perladangan besar.

Sementara itu, Datuk Amar Douglas Uggah berkata, MPOB akan meneruskan Ops Kenyalang, operasi membanteras kegiatan mencuri BTS di Sarawak dan tindakan tegas telah diambil ke atas pemegang lesen yang didapati membeli buah sawit curi.

Katanya, hasil operasi yang dijalankan sepanjang Januari hingga Jun tahun ini, sebanyak 77 surat tunjuk sebab dikeluarkan ke atas pemegang lesen, manakala 12 lesen sudah dibatalkan.

Selain itu, katanya 51 pemegang lesen diberi amaran keras supaya tidak mengulangi kesalahan berkenaan dan satu lesen telah digantung.

Katanya daripada operasi itu, 38.5 tan BTS dirampas dan dilupus dengan nilai RM13,973.

Beliau turut mengingatkan bahawa pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan termasuk membatalkan lesen jika didapati mereka membeli buah sawit curi.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas mendengar penerangan mengenai jenis tandan sawit sempena lawatan ke Kilang Sawit Igan di Sibu, baru-baru ini. Turut serta dalam lawatan itu ialah Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu MPIC, Akmah Ehtook (kanan).

ICOPM 2 hadiah AS\$1j untuk pemenang

» *Ganjaran untuk tarik banyak penyertaan*

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

► **Sibu**

Sebanyak AS\$1 juta diperuntukkan sebagai hadiah kepada pemenang Pertandingan Antarabangsa Mekanisasi Ladang Sawit 2 (ICOPM 2) yang dianjurkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Menterinya Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, jumlah ganjaran itu adalah untuk menarik lebih banyak penyertaan di dalam pertandingan mencipta jentera untuk membantu meningkatkan produktiviti industri sawit di negara ini.

Katanya, penyertaan pertandingan itu telah dibuka pada Jun lepas dan akan ditutup November ini.

“Langkah menaikkan hadiah kepada AS\$1 juta bagi pertandingan tahun ini adalah bagi menarik lebih banyak penyertaan bagi menghasilkan jentera yang lebih efisien, sofistikated dan bo-

leh diterima pakai,” katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak di sini hari ini beliau berkata, pada tahun lalu hadiah yang ditawarkan adalah RM1 juta namun tiada mana-mana pihak yang memenangnya.

Sasaran pertandingan itu adalah universiti-universiti, pusat-pusat penyelidikan dan individu yang kreatif di peringkat dalam negara dan antarabangsa.

Bidang kritikal

“Bidang yang kritikal sekarang dan menjadi keutamaan ialah penuaian buah sawit yang mana industri memerlukan mesin penuai lebih efisien dan sofistikated berbanding mesin sedia ada,” katanya.

Pertandingan bermula dengan konsep dan dikukuhkan dengan anugerah geran untuk idea terpilih. Para panel hakim akan menilaikan fungsi dan praktikaliti ciptaan prototaip. Ini seterusnya membawa ke pengkomersialan teknologi untuk sektor ladang.

ICOPM 2 dibahagikan kepada lima kategori, iaitu penuaian; pemungutan buah lerai; pemindahan buah tandan segar (BTS); penjagaan pokok; dan integrasi.

Hadiah tunai untuk kategori penuaian dan pemungutan buah lerai adalah masing-masing RM200,000 sementara untuk pe-



Jentera pemungut buah tandan segar dikenali ‘grabber’.

mindahan BTS dan penjagaan pokok adalah masing-masing RM70,000. Untuk kategori integrasi, hadiahnya bernilai RM200,000. Hadiah Anugerah Emas bernilai US\$1 juta juga menanti pemenang keseluruhan (Winner of Winners).

ICOPM 2 merupakan lanjutan daripada ICOPM 1 yang dianjurkan pada tahun 2014. Walaupun ICOPM 1 menawarkan hadiah yang agak rendah berbanding ICOPM 2, ianya telah mendapat sambutan memuaskan dengan 69 penyertaan.

Berikutan sambutan baik ini, MPOB membuat keputusan untuk menganjurkan ICOPM 2 dengan menawarkan hadiah yang lebih hebat dan penambahan satu kategori baru.

Pada ICOPM 1, kategori teknologi yang dipertandingkan adalah empat, iaitu penuaian; pemungutan buah lerai; pemindahan BTS dan penjagaan pokok.

ICOPM merupakan antara usaha MPOB untuk mengajak pihak swasta agar lebih aktif dalam penghasilan teknologi untuk mengurangkan kebergantungan in-

dustri sawit terhadap tenaga buruh asing, terutamanya di sektor huluan.

Sehingga kini MPOB telah menghasilkan pelbagai jentera dan mesin untuk membantu industri sawit dalam penuaian dan pemindahan BTS ke lokasi pungutan. Antara ciptaan MPOB adalah galah bersabit, CANTAS EVO, Beluga dan Rhyno.

Maklumat lanjut mengenai pertandingan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang Lembaga Minyak Sawit Malaysia di <http://www.mpob.gov.my>.

Produk bio aktif sawit berpotensi dikomersialkan

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Sejak kebelakangan ini, produk bio aktif sawit mula menjana minat dan berpotensi untuk dikomersialkan secara meluas kerana mendapat permintaan tinggi sebagai produk nutraseutikal dan makanan tambahan untuk kesejahteraan pengguna.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyatakan demikian dalam ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M Nagarajan pada majlis perasmian Persidangan Nutra-Kosmeseutikal Antarabangsa (Palm International Nutra-Cosmeceutical Conference atau PINC 2015) anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia

(MPOC) di sini, baru-baru ini.

Katanya, pada masa ini ada beberapa produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi hasil penyelidikan dalam bidang bio aktif sawit.

“Ini termasuk produk tokotrienol vitamin E, karotenoid sawit dan fenolik sawit. Produk bio aktif seperti ini mendapat permintaan tinggi bagi tujuan pengeluaran produk nutraseutikal dan makanan tambahan.

Katanya, produk ini terbukti memberi kesan baik ke atas kesihatan pengguna.

“Berbanding bio aktif yang dikeluarkan dari sumber alternatif lain, bio aktif sawit mempunyai nilai pemakanan yang tinggi serta dihasilkan menggunakan sumber sawit yang mampan.

“Bio aktif sawit juga berupaya meningkatkan kapasiti antioksidan dalam badan, menghalang pelbagai penyakit degeneratif dan meningkatkan kualiti hidup.

Katanya, di Malaysia, beberapa



M Nagarajan berucap pada majlis perasmian Persidangan Nutra-Kosmeseutikal Antarabangsa 2015 baru-baru ini.

pengeluar mula mempromosi bio aktif berasaskan sawit.

“Usaha ini sekali gus meningkatkan penggunaan minyak sawit untuk produk makanan, oleokimia dan pengeluaran bahan khusus berasaskan sawit untuk pasaran kepada pengguna di tahap global.

Sehingga kini, minyak sawit Malaysia dieksport ke lebih 150 negara dan digunakan berbilion manusia sebagai sumber tenaga dan lemak.

Peluang meneroka kerjasama

Beliau berkata, melalui PINC 2015, ahli sains, penyelidik dan penge-

luar produk berasaskan sawit berpeluang meneroka kerjasama bagi penghasilan produk nutraseutikal berasaskan sawit pada masa depan dan akan memberi manfaat kepada semua pihak.

Persidangan itu juga akan mempertingkatkan kefahaman mengenai produk sawit ke atas kesihatan pengguna dan kesejahteraan manusia.

“Satu pangkalan data mengandungi bukti kukuh mengenai kebaikan minyak sawit telah dikemukakan untuk semakan dan penelitian oleh masyarakat saintifik antarabangsa,

namun masih terdapat keraguan dan kritikan yang disasarkan terhadap minyak sawit,” katanya.

Katanya, salah faham ini perlu diperbetulkan demi kemajuan industri sawit dan kelangsungan hidup lebih setengah juta rakyat Malaysia yang terbabit secara langsung dengan industri itu.

Beliau menambah, langkah yang dilaksanakan setakat ini memainkan peranan penting bagi mempertingkatkan pengetahuan dan penerimaan pengguna terhadap produk sawit sehingga pasaran global.

Delegasi CFDA lawat Ibu Pejabat MPOB

» Rombongan dari CFDA bertukar pandangan industri sawit

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

► Bangi

Ketua Setiausaha China Food and Drug Administration (CFDA), Guo Wenqi serta delegasi melakukan lawatan ke Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini, baru-baru ini bagi bertukar pandangan mengenai industri sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May menyambut ketibaan dan memberi taklimat kepada delegasi CFDA berkaitan MPOB dan industri sawit.

CFDA adalah Kementerian China yang bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan yang dihasilkan di dalam negara itu.

Semasa sesi perbincangan Datuk Dr Choo bertukar pandangan terhadap usaha-usaha bagi memastikan tahap keselamatan dan kua-

liti minyak sawit Malaysia memenuhi permintaan antarabangsa.

“Minyak sawit Malaysia telah diekspor ke lebih daripada 150 negara dan mendapat penerimaan yang baik daripada negara-negara itu kerana minyak sawit Malaysia dikenali dengan kualiti dan reputasi yang baik,” katanya.

Beliau berkata, industri minyak sawit Malaysia juga adalah industri yang dikawal dengan perundangan dan peraturan yang ketat.

Bincang kebaikan minyak sawit

Selain itu, Dr Choo turut membincangkan kebaikan minyak sawit dari segi kesihatan dan pemakanan minyak sawit.

“Kajian terkini yang dijalankan di negara China dan Australia telah menunjukkan minyak sawit adalah selamat dan mempunyai tindakan ke atas tahap kolesterol yang sama dengan minyak zaitun yang enam kali lebih mahal harganya,” ujar beliau.

Perbincangan antara MPOB dan CFDA berjaya mengeratkan kerjasama antara Malaysia dan negara China bagi memastikan kualiti dan keselamatan minyak sawit di samping meyakinkan pihak berkuasa negara itu terhadap minyak sawit yang dikeluarkan oleh Malaysia.



Guo Wenqi (tengah) diberi taklimat mengenai produk sawit ketika lawatan ke MPOB. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May.

MPOB laksana transformasi, tingkat kualiti perkhidmatan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May mengadakan pertemuan dengan kakitangan MPOB yang merupakan pendekatan yang sejajar transformasi perkhidmatan awam dan ‘Merakyatkan Pentadbiran Awam’ melalui konsep turun padang.

Katanya, melalui perjumpaan seumpama ini, pihak pengurusan dapat menyampaikan maklumat terkini berhubung perkembangan MPOB dan pelaksanaan dasar kerajaan.

Beliau menjelaskan, sebagai sebuah agensi kerajaan yang diamanahkan untuk memastikan pertumbuhan industri sawit negara, MPOB berperanan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kawal selia industri sawit.

Menurutnya, MPOB juga dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan projek pembangunan dan Rancangan Malaysia serta Program Transformasi Ekonomi melalui pelaksanaan projek NKEA

sawit bagi meningkatkan produktiviti, menjana pertumbuhan dan pendapatan sektor sawit.

“MPOB juga melalui proses perubahan dinamik ke arah mempertingkatkan sistem kualiti dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan sejajar proses transformasi perkhidmatan awam.

MPOB terus bergerak maju

Katanya, MPOB terus bergerak maju dan berjaya menangani pelbagai isu dan cabaran bagi membangun dan memajukan industri sawit negara.

“Antaranya adalah melalui pelaksanaan program tanam semula dan tanam baharu sawit pekebun kecil, penubuhan koperasi untuk pekebun kecil, pertambahan jumlah estet yang mematuhi skim pensijilan bagi tujuan kemampanan industri sawit serta berjaya mempertingkatkan adunan biodiesel sawit dari lima peratus kepada tujuh peratus bagi memperluaskan penggunaan biodiesel sawit.

Menurutnya, pelaksanaan aktiviti MPOB dan pembabitan pihak industri membawa peningkatan prestasi industri sawit negara.

Usahawan digalok labur dalam industri sawit Sabah

Oleh Dr Astimar Abd Aziz
astimar@mpob.gov.my

Lahad Datu: Usahawan digalok untuk melabur dan terbabit dalam industri sawit khususnya industri biojisim sawit di negeri Sabah.

Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Raymond Tan Shu Kiah dalam teks ucapan perasmian PALMEX 2015 – The 6th Malaysia International Palm Oil Technology Expo & Symposium (PALMEX) yang dibacakan oleh Pembantu Menteri di Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Bolkih Ismail berkata, sebagai negeri terbesar yang mengeluarkan minyak sawit di Malaysia, Sabah aktif menjalankan aktiviti pengkomersialan produk bernilai tambah berasaskan minyak dan biojisim sawit.

“Penganjuran PALMEX akan dapat menggalakkan pihak industri yang terbabit dengan industri sawit amnya dan industri biojisim sawit khasnya untuk terus melabur di Sabah.



Datuk Bolkih Ismail melawat pameran MPOB sempena PALMEX 2015

“Disokong oleh pihak kementerian, Palm Oil Industrial Clusters (POIC) Lahad Datu memberi tumpuan kepada aktiviti pengkomersialan produk bernilai tambah daripada biojisim sawit,” katanya.

Katanya, Sabah dijangka menjadi pusat pengkomersialan tenaga bio generasi kedua (2nd generation biofuel) daripada biojisim.

PALMEX 2015 yang julung kalinya diadakan di sini menarik penyertaan 40 pempamer dari dalam dan luar negara yang mempamer-

kan teknologi berkaitan sawit.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut tidak ketinggalan dengan mempamerkan produk biojisim sawit serta teknologi lain seperti baja dan Cantas hasil penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan.

MPOB yang diwakili Ketua Unit Teknologi Biojisim, Dr Astimar Abdul Aziz juga membentangkan kertas kerja bertajuk “Green Technology Biomass on Oil Palm”, bersama lima pembentang kertas kerja lain.

KOML lahir 1,815 tenaga kerja sektor ladang

» **Tingkat kemahiran warga tempatan dalam aspek mekanisasi ladang**

Oleh Mohd Solah Deraman dan Noor Asmaati Abdul Samad
solah@mpob.gov.my, watie@mpob.gov.my

Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) berjaya melahirkan 1,815 pekerja mahir dan separa mahir sektor perladangan sawit sejak ditubuhkan pada tahun 2006 sehingga April 2015.

KOML ditubuhkan bertujuan memberi pendedahan kepada pelatih dari aspek teori dan praktikal mengenai aspek mekanisasi ladang yang menjurus kepada melahirkan tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan.

Pemubuhan KOML adalah untuk memberi latihan kemahiran berkaitan aspek mekanisasi ladang khusus untuk warga tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada buruh asing yang kini begitu dominan di ladang sawit seluruh Malaysia.

Selain itu, ia juga bertujuan memberi peluang kepada individu yang terhibat dalam industri sawit untuk turut serta bagi memperbaiki serta menambah kemahiran mereka dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran diri dan produktiviti.

Secara khususnya, KOML memberi pendedahan kepada pelatih dari aspek teori dan praktikal mengenai aspek mekanisasi ladang yang menjurus kepada melahirkan tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan.

Pengambilan pelatih adalah dua kali setahun dengan tempoh kursus selama lima bulan terdiri dari pembelajaran teori, praktikal dan latihan industri selama sebulan dimana pelatih ditempatkan di estet terpilih seluruh negara.

Buat permulaan kursus ini beroperasi di Pusat Penjenteraan Ladang (PPL), Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB/UKM, Bangi sebelum dipindahkan ke kampus tetap di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Kompleks MPOB Keratong Pahang.

Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA)

Kompleks Latihan MPOB Keratong yang dikenali Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Keratong dibina menggunakan peruntukan dalam Rancangan Malaysia (RMK-9) mula beroperasi pada 14 Februari 2011.

Kompleks latihan ini menempatkan bangunan pentadbiran, bangunan akademik, dewan serba guna, asrama pelatih, kafeteria, kedai, bengkel mekanisasi, stor mesin dan peralatan, kuarters kakitangan dan surau.

Penubuhannya sebagai tempat latihan bagi melahirkan tenaga kerja terlatih di sektor perladangan sawit.

PLASMA juga adalah kampus bersepadu di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (Institute of Malaysian Plantation and Commodities - IMPAC), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan merupakan kampus induk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML).



Antara syarikat perladangan yang mengambil lepasan KOML sebagai tenaga kerja mahir dalam pengoperasian jentera/ peralatan ladang.

PLASMA Keratong mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Bertauliah dengan penarafan lima bintang oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam menjalankan program kemahiran mekanisasi ladang.

Fungsi utama PLASMA adalah menjalankan program latihan kemahiran - Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) Tahap 2, 3 dan 4, serta menjalankan kursus jangka pendek melibatkan keperluan industri sawit seperti kursus penuaian, pemanduan jentera dan kursus lain mengikut permintaan industri.

Modul Pembelajaran KOML

Skop latihan adalah berdasarkan hala tuju mekanisasi di sektor perusahaan perladangan dan komoditi iaitu melahirkan tenaga kerja yang dinamik dan berkemahiran dalam bidang-bidang yang khusus dan mempunyai minda yang terbuka terhadap teknologi terkini dengan melaksanakan latihan di bidang kemahiran di dalam pengendalian serta membaik-pulih jentera pada warga belia tempatan bagi menggantikan tenaga kerja asing (train and replace).

Modul pembelajaran KOML adalah ber-

dasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skill Standard-NOSS) bagi Tahap 1, 2 dan 3.

Silibus yang dijalankan telah disemak dan diperakui oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP). Bermula sesi September 2013, sejajar dengan perkembangan semasa, silibus pembelajaran Tahap 1 dan 2 telah digabungkan sebagai Modul Tahap 2 sahaja dan silibus yang digubal semula adalah berdasarkan kepada bidang kerja berbanding sebelumnya yang berdasarkan tugas atau skop kerja dan di kenali sebagai Kursus Operasi Mekanisasi Ladang yang sebelumnya dikenali sebagai Kursus Operator Mekanisasi Ladang.

Secara umumnya pelatih yang mengikuti kursus akan mengikuti tahap-tahap seperti dibawah:-

1. Tahap 2 - mendedahkan pelatih kepada operasi mekanisasi ladang sawit secara menyeluruh, merangkumi operasi mekanisasi bagi penyediaan tanah, pembangunan tapak samaian, penyelenggaraan ladang dan pembajaan, penuaian, pengangkutan dan pengumpulan buah tandan segar (BTS) serta penyelenggaraan rutin alatan mekanisasi seperti

Perbandingan Kod dan Kemahiran NOSS lama dan baru

Bil	Kod dan Kemahiran Lama	Kod dan Kemahiran Baru	Tahap
1	Y-100-1: Operator Mekanisasi Perladangan Sawit Gred 2	RB-082-2: Operasi Mekanisasi Perladangan Sawit (2012)	Tahap 2
2	Y-100-2: Operator Mekanisasi Perladangan Sawit Gred 1		
3	Y-100-3: Penyeliaan Mekanisasi Perladangan Sawit	RB-082-3: Penyeliaan Operasi Mekanisasi Perladangan Sawit (2012)	Tahap 3

Modul Tahap 2 dan Tahap 3 mengikut NOSS baru

Bil Tahap	Modul
Tahap 2	a) COCU 1: Operasi Mekanisasi Pembangunan Ladang b) COCU 2: Operasi Mekanisasi Tapak Samaian c) COCU 3: Operasi Mekanisasi Tanaman dan Penyelenggaraan Ladang d) COCU 4: Operasi Mekanisasi Penuaian e) COCU 5: Operasi Mekanisasi Pengangkutan f) COCU 6: Rutin Penyelenggaraan Alatan Tambahan g) COCU 7: Rutin Penyelenggaraan Jentera Mekanisasi h) Kebolehan Asas
Tahap 3	a) COCU 1: Operasi Penyeliaan Mekanisasi b) COCU 2: Penyeliaan Mesin, Kenderaan dan Peralatan Tambahan c) COCU 3: Kawalan Kualiti Operasi Penyelenggaraan d) COCU 4: Pentadbiran Operasi Mekanisasi Sawit e) COCU 5: Pentadbiran Kebajikan Pekerja f) COCU 6: Pentadbiran Tuntutan Gaji g) COCU 7: Pemantauan Kumpulan Mekanisasi Sawit h) Kebolehan Asas

traktor, peralatan menuai dan sebagainya.

ii. Tahap 3 – mendedahkan pelatih menjadi penyelia dalam bidang mekanisasi ladang. Antara modul pembelajaran adalah penyeliaan operasi mekanisasi ladang, penyeliaan penyelenggaraan jentera dan alatan ladang, kawalan kualiti operasi pengeluaran, pentadbiran operasi ladang sawit seperti kebajikan pekerja, gaji dan sebagainya. Pelatih Tahap 3 juga diberi kursus-kursus khas yang ditawarkan oleh MPOB seperti Kursus Pengedaran Buah Sawit dan Pengurusan serta Penyelenggaraan Tapak Samaian Sawit.

iii. Tahap 4 – mendedahkan pelatih menjadi eksekutif di dalam pengurusan perladangan, yang sama tarafnya dengan peringkat Diploma.

Indikator Pencapaian

KOML yang dijalankan MPOB merupakan satu-satunya kursus kemahiran yang menawarkan pekerja separuh mahir dan mahir dalam bidang mekanisasi ladang.

Dengan pekerja terlatih yang mengawal selia jentera yang digunakan, diharap ia berupaya meningkatkan produktiviti, mengurangkan keperluan buruh dan mengu-

rangkan kos operasi.

Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, meningkatkan pendapatan dan mengurangkan keperluan buruh terutamanya buruh asing.

Dalam menentukan kejayaan program ini, pembentukan indikator pencapaian dipastikan berdasarkan kepada objektif latihan yang dijalankan. **Key result area (KRA)** bagi program KOML adalah seperti:-

- i. Melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang mekanisasi ladang
- ii. Mengalakkan belia tempatan bekerja dalam industri sawit
- iii. Melahirkan usahawan kecil (SME) dalam bidang penjenjeraan ladang

Berdasarkan KRA, **key performance indicator (KPI)** daripada kursus yang dijalankan adalah:

- i. Pertambahan bilangan permohonan dan kemasukan pelatih setiap sesi pengambilan bagi mengikuti KOML
- ii. Bilangan lepasan pelatih KOML bekerja dalam industri sawit
- iii. Bilangan lepasan pelatih KOML yang menjalankan perusahaan sendiri seperti memberi perkhidmatan dalam industri sawit dan menjadi usahawan kecil (SME) dalam bidang penjenjeraan ladang.

Pertambahan Bilangan Pelatih

KOML membuat pengambilan pelatih dua kali setahun dengan tempoh kursus selama lima bulan terdiri dari pembelajaran teori dan praktikal selama empat bulan dan sebulan latihan industri di mana pelatih akan ditempatkan di estet seluruh negara.

Kursus ini menasarkankan individu lepasan sekolah yang masih mencari peluang pekerjaan atau mereka yang sedang bekerja di sektor industri sawit yang ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

Kursus ini turut menekankan aspek kemahiran pemanduan traktor dan pengendalian pelbagai peralatan pertanian. Pelatih didedahkan kepada komponen fungsi enjin diesel dan petrol serta membaik pulih enjin bagi kerosakan kecil. Ujian pemanduan traktor diselenggarakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan membolehkan pelatih mendapat lesen memandu kelas F.

Lepasan KOML

KOML adalah antara usaha untuk menarik minat belia tempatan terhadap sektor perladangan sawit dengan memberi latihan kemahiran dalam bidang penjenjeraan ladang secara khusus atau perladangan secara amnya.

Dengan penglibatan belia tempatan di dalam bidang ini maka pergantungan terhadap tenaga buruh asing yang mana berdasarkan statistik terdapat 1.4 juta guna tenaga di sektor perladangan dan 27% daripadanya adalah tenaga asing.

Sektor sawit dianggarkan menjangkau 300,000 orang dan dapat dikurangkan dengan menggantikan dengan warga kerja tempatan yang berkemahiran.

Pada masa sama produktiviti boleh dipertingkatkan dengan menggunakan penguasaan teknologi perladangan sawit. Pekerja ini bukan sahaja penting kepada industri tetapi kepada negara amnya dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Program ini turut mendedahkan pelatih seorang usahawan kecil dan sederhana (SME) dalam bidang penjenjeraan ladang atau bidang-bidang lain yang berkaitan.

Contohnya, lepasan KOML boleh menjadi seorang usahawan penjenjeraan ladang dengan membuka bengkel atau memberi khidmat kepada sekelompok pekebun kecil di sesuatu kawasan untuk menguruskan ladang, mengeluarkan buah dan pelbagai lagi perkhidmatan dengan menggunakan teknologi dan jentera yang tersedia di pasaran.

Secara konvensionalnya, aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan dengan mengupah individu tertentu untuk mengusahakan sesuatu aktiviti dengan pulangan yang tidak setimpal kepada pekebun kecil.

Oleh itu usahawan penjenjeraan ladang ini mampu mengantikan kepada perubahan industri sawit terutama kepada pekebun kecil dengan meningkatkan produktiviti kebun sawit mereka dan sekaligus bersama-sama memacu ekonomi negara.

Pengambilan Pelatih

Pengurusan KOML menjalankan pelbagai cara bagi membolehkan kewujudan KOML kepada masyarakat tempatan terutamanya golongan muda.

Antara usaha yang telah dijalankan untuk menarik minat belia mengikuti program ini adalah melalui aktiviti pengiklanan di laman web MPOB (www.mpob.gov.my), laman Facebook KOML, melalui Pegawai Tunas Kawasan, edaran brosur kepada bekas pelatih, syarikat perladangan serta Kementerian dan agensi berkaitan, penyertaan pameran di seluruh negara dan promosi di sekolah-sekolah sekitar negeri Pahang.



Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang.



MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition

Save The Date
6 - 8 OCTOBER 2015
Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

Oil Palm: Powering the World, Sustaining the Future

- **5 CONCURRENT CONFERENCES**
 - Agriculture, Biotechnology & Sustainability
 - Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy
 - Oleo & Specialty Chemicals Conference
 - Global Economics & Marketing
 - Food, Health & Nutrition
- **OVER 300 EXHIBITION BOOTHS**
- **EVENING FORUM**
 - Theme: Powering the World, Sustaining the Future





Organised by
MPOB
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia

For more information, please contact:
Ruba'ah Masri (+603-8769 4567) Nurul Atiqah Musa (+603-8769 4568)
(GMT+8 Working Hours : 9am-5pm, Monday to Friday)
www.mpob.gov.my
pipec2015@mpob.gov.my



Pengusaha nurseri dan peniaga buah sawit yang menyertai taklimat.

Nurseri, peniaga buah sawit sertai taklimat MPOB

» Beri peluang pengusaha ketahui skim pembiayaan sesuai

Oleh Syed Mohd Hazry Syed Hamid
mohd.hazry@mpob.gov.my

► Bangi

Lebih 25 pengusaha tapak semaian (nurseri) dan peniaga buah sawit mengikuti taklimat anjuran Lembaga Minyak

Sawit Malaysia (MPOB) di bawah program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Sesi taklimat dengan kerjasama Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Bank Islam bertujuan memberi peluang kepada pengusaha untuk mengetahui mengenai skim pembiayaan bersesuaian dengan perusa-

haan yang dijalankan.

Pengurus TEKUN Hulu Langat, Saipul Azahari dalam taklimatnya berkata, TEKUN memainkan peranan penting dalam program PEB bagi mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Katanya, TEKUN menyediakan kemudahan pembiayaan pinja-

“**TEKUN** memainkan peranan penting dalam program PEB bagi mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan keusahawanan”

Saipul Azahari,
Pengurus TEKUN Hulu Langat

man modal kecil perniagaan dengan mudah dan cepat bagi memulakan perniagaan serta memajukan lagi usaha niaga pengusaha yang sedia ada.

Pinjaman sehingga RM1 juta

Sementara itu, Pengurus Kanan Perbankan Komersial Bank Islam, Kamil Hadi Mahammed Razali dan Pegawai Pembiayaan Perniagaan Bank Islam berkata, pembiayaan oleh Bank Islam adalah dana daripada Lembaga Tabung Haji dan pengusaha boleh membuat pembiayaan pinjaman sehingga RM1 juta tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Melalui program PEB, MPOB memberi peluang kepada pengusaha yang terbabit dengan industri sawit mendapatkan maklumat berkaitan permohonan pembiayaan daripada pelbagai agensi kewangan.

Ini sekali gus akan membantu pengusaha tapak semaian dan peniaga buah sawit yang menyertai program itu mendapatkan pembiayaan bagi memajukan perniagaan yang diusahakan.

Skim bantuan beri manfaat kepada pekebun kecil

Oleh Hasmiza Desa dan Mohd Haidhar Abdul Hamid
hasmiza@mpob.gov.my dan haidhar@mpob.gov.my

Segamat: Sejumlah 425 pekebun kecil sekitar daerah ini memperoleh manfaat hasil Skim Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil sejak ia dimulakan pada tahun 2011 hingga akhir April 2015 lalu.

Setakat ini, terdapat pelbagai peringkat penerimaan bagi setiap peserta di mana ada yang sudah selesai menerima semua bentuk bantuan dan ada yang masih menunggu input pertanian dibekalkan kepada pekebun kecil.

Bilangan penyertaan yang menggalakkan itu menunjukkan pekebun kecil di daerah ini mengambil peluang yang disediakan

Kerajaan sejajar dengan pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi sawit yang memberi tumpuan kepada meningkatkan pendapatan negara menjelang tahun 2020.

Selaras dengan pelaksanaan NKEA, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memperkenalkan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan dan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Tampung kos penanaman

Seorang penerima bantuan yang ditemui, Ramli Saril, 43, berkata beliau menerima bantuan sejumlah RM12,140 yang meliputi kos pembersihan kawasan kebun,

anak benih sawit, racun rumpai dan perosak, baja bagi tahun pertama dan kedua.

Katanya, skim bantuan ini dapat membantu beliau menampung kos penanaman semula sawit yang agak tinggi.

Pada masa ini, Ramli sedang menuai hasil dari kebunnya seluas 1.62 hektar yang mengikuti skim bantuan MPOB.

“Dengan bantuan khidmat nasihat dan tunjuk ajar daripada Pegawai TUNAS Kawasan (PTK), saya turut mempraktikkan amalan pertanian yang baik (GAP) di kebun bagi menjamin pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi,” katanya.

Skim TSSPK diwujudkan bagi menggalakkan penebangan pokok sawit tua berumur lebih 25 tahun yang tidak lagi ekonomik dan produktif.

Bantuan tanaman sawit

Bantuan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM7,500 sehektar. Bantuan ini merangkumi kos penebangan pokok sawit tua, pembersihan kawasan, bekalan anak benih sawit, racun rumpai dan perosak serta pemberian baja untuk dua tahun.

Skim TBSPK pula adalah bantuan tanaman sawit ke atas kawasan tanah selain tanaman sa-



Ramli bersama tanaman sawitnya yang mula mengeluarkan hasil.

wit atau tanah terbiar. Bantuan sebanyak RM7,500 sehektar juga diperuntukkan bagi membangunkan tanah tersebut.

Objektif utama skim ini adalah untuk menambah pendapatan pekebun kecil melalui pembukaan kawasan baharu sawit yang secara tidak langsung turut meningkatkan keluasan tanaman sawit dan pengeluaran hasil sawit negara.

Anak benih sawit yang dibekalkan oleh MPOB adalah dari

tapak semaian yang terpilih. Tapak semaian ini mempunyai lesen yang sah dan juga Sijil Amalan Baik MPOB atau dikenali CoP.

Pihak MPOB melakukan lawatan secara berkala ke semua tapak semaian yang mempunyai sijil CoP bagi menjamin kualiti dan mutu anak benih sawit yang dihasilkan.

Oleh itu, pekebun kecil tidak perlu risau mengenai kualiti anak benih sawit yang dibekalkan melalui kedua-dua skim ini.

KPSM beri manfaat kepada pekebun kecil

» *Tingkat produktiviti, kualiti minyak sawit dihasilkan*

Oleh: Nazirah Che Jaafar dan Noor Asmawati Abdul Samad
nazirah@mpob.gov.my, watie@mpob.gov.my

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) adalah antara langkah strategik yang akan memberi manfaat kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan yang sentiasa memberi perhatian untuk memajukan sektor pekebun kecil sawit bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Peningkatan pendapatan pekebun kecil adalah hasil peningkatan produktiviti atau pengeluaran hasil buah sawit dan amat berkait rapat dengan kesediaan pekebun kecil melibatkan diri dalam pelbagai program yang dirancang untuk manfaat mereka.

Justeru itu, pekebun kecil disarankan menyertai KPSM yang ditubuhkan oleh MPOB sebagai sa-

lah satu komponen utama dalam Kelompok Sawit Mampan atau Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) yang turut membabitkan penyertaan pekebun kecil bagi memastikan pengeluaran sawit yang mesra alam.

Tingkat hasil minyak

Penubuhan KPSM adalah langkah strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan produktiviti dan kualiti minyak sawit yang dihasilkan oleh pekebun kecil melalui kerjasama dalam sektor industri sawit.

Penyertaan pekebun kecil dalam koperasi setempat yang melaksanakan Amalan Pertanian Baik adalah landasan penting ke arah pensijilan minyak sawit mampan sektor pekebun kecil.

Usaha ini akan menyumbang kepada pengeluaran minyak sawit Malaysia yang dihasilkan secara mesra alam bagi memenuhi permintaan pengguna di luar negara yang semakin meningkat.

Penglibatan semua pihak dalam memastikan pengeluaran minyak sawit mampan akan menyumbang kepada penawaran harga yang lebih tinggi dan peluang pasaran minyak sawit Malaysia yang lebih luas di luar negara.

Pengeluaran sawit mampan

yang menerapkan tanggungjawab sosial, kepentingan terhadap penjagaan alam sekitar dan nilai kemasyarakatan dapat mengimbangi tuntutan ekonomi dan kepentingan pemuliharaan alam bagi kepentingan generasi yang akan datang.

Keahlian KPSM terbuka kepada pekebun kecil persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 hektar.

Objektif utama KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil agar berupaya menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti BTS, pembelian input secara berkelompok untuk mengurangkan kos dan penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan meningkatkan pendapatan ahli.

Aktiviti pengurusan kebun dilaksanakan dengan sempurna bagi peningkatan produktiviti pe-

“**Keahlian KPSM terbuka kepada pekebun kecil persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.46 hektar**”



Aktiviti jualan kelompok BTS yang dilaksanakan KPSM.

ngeluaran BTS dan pendapatan pekebun kecil secara teratur melalui jalinan kerjasama secara terus dengan pengilang buah sawit.

Kualiti BTS yang dihasilkan juga dapat ditingkatkan melalui program pensijilan yang dijalankan serentak kepada ahli-ahli koperasi.

Melalui penubuhan KPSM, pekebun kecil mempunyai alternatif untuk menyampaikan masalah mereka dan membantu meningkatkan taraf hidup.

Sedia pelbagai kemudahan

KPSM turut membantu ahlinya dengan menyediakan kemudahan pengangkutan untuk menghantar BTS ke kilang. Kaedah ini dapat dilaksanakan dengan mudah apabila bilangan ahli yang ramai dan sekali gus memberi kebaikan kepada ahlinya melalui caj harga yang berpatutan atau lebih rendah dari pasaran.

Keuntungan yang diperoleh

melalui sistem ini akan dinikmati oleh semua ahli koperasi melalui bayaran dividen tahunan.

KPSM yang pertama ditubuhkan di Tongod, Sabah pada Oktober 2010 dan sehingga Julai 2015, sebanyak 30 KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara meliputi Sabah, Sarawak, Johor, Melaka, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu membabitkan kawasan tanaman sawit seluas 256,514 hektar.

Sehingga kini, sebanyak 15 KPSM telah memulakan aktiviti jualan BTS berkelompok terus ke kilang sawit dengan jumlah BTS sebanyak 19,017.82 tan.

Penyertaan pekebun kecil dalam KPSM akan merancakkan pelaksanaan aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan. Peningkatan hasil sawit dan pendapatan pekebun kecil akan memberi manfaat dari segi kemajuan sosio ekonomi luar bandar dan kesejahteraan ekonomi negara.

Tew gigih, tak mudah putus asa

Oleh: Hasmiza Desa
hasmiza@mpob.gov.my

Berpegang kepada falsafah hidup ‘Jangan Cepat Putus Asa’, Tew Han Kiong, 44 dari Batu Pahat, Johor yang mengusahakan tanaman sawit seluas 20.6 hektar dengan menggunakan modal sendiri sepenuhnya pada peringkat permulaan.

Tew menimba pengalaman daripada bapanya yang sangat meminati penanaman sawit. Beliau yang mula menjadi pekebun kecil sawit sejak berusia 20 tahun, menggunakan bahan tanaman dura x pisifera (DxP) dengan jarak tanaman 9m x 9m x 9m (sistem segitiga) dengan jumlah pokok sebanyak 148 pokok per hektar.

Berpandukan nasihat pegawai TUNAS, beliau mempraktikkan amalan pengurusan ladang yang baik di kebun sawit beliau. Antaranya adalah menyimpan rekod ladang, mempraktikkan amalan pembajaan yang seimbang (MPOB F1, 4 kali setahun, 8 kg/pk/thn), membuat pemangkasan mengikut syor yang ditetap-

kan iaitu setahun sekali dan setiap kali penuaian, dan menuai setiap 15 hari sekali.

Ternak kambing boer

Rekod hasil tertinggi yang diperolehi beliau adalah pada 2009 iaitu sebanyak 36 t/ha/thn. Hasil pada tahun 2013 adalah sebanyak (33.5tan/ha/thn) tetapi terdapat penurunan pada tahun 2014 iaitu sebanyak (27tan/ha/thn).

Beliau yang juga Ahli Kelab 30 Tan MPOB sejak tahun 2008 turut menjalankan integrasi ternakan kambing dengan sawit bagi menjana pendapatan sampingan selain menjimatkan kos merumpai.

Beliau menternak baka kambing boer yang diterima di bawah Skim Bantuan Integrasi Ternakan yang disalurkan MPOB pada 2009. Bantuan yang diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) ini bertujuan membantu pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan mereka. Beliau turut menjalankan integrasi tanaman pisang dan burung wakil di kebun miliknya.

Selain mengusahakan tanaman sawit, beliau turut mengam-

bil upah mengurus kebun sawit bagi kawasan sekitar kebun mereka, seperti upah meracun, membaja, dan menuai buah tandan sawit.

Walaupun Tew sangat sibuk dengan aktiviti perniagaannya, beliau masih lagi aktif menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Ahli Jawatankuasa Rela 2004 sehingga kini, Ahli Persatuan Peniaga Sawit, dan Ahli Kelab Golf Bukit Banang Country Club, Batu Pahat.

Tew juga menjalankan perniagaan pusat timbang yang diwarisi daripada bapanya dan mengambil buah tandan segar (BTS) di kawasan berhampiran

Hargai sokongan MPOB

Beliau berharap ilmu pertanian yang dimiliki dapat diwarisi oleh anak-anaknya.

Beliau juga sangat menghargai usaha MPOB dalam membantu pekebun kecil dari segi meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran mengenai sawit selain bantuan yang disalurkan kerajaan melalui MPOB seperti RMK 9, Pakej



Tew mengendali jentolak di pusat timbang BTS miliknya.

Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK).

Beliau berharap pusat TUNAS dapat mempergiatkan lagi usaha membantu pekebun kecil sawit meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Jalinan yang baik antara pekebun kecil sawit dan juga pegawai TUNAS secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan meningkatkan produktiviti sawit dengan melaksanakan pengurusan sawit yang baik dan sempurna.

Menteri Ekologi Perancis akui silap mengenai Nutella, minyak sawit

» *Royal mohon maaf kaitkan produk dengan isu penebangan hutan*

“**S**aya memohon ribuan maaf kerana mencetuskan kontroversi mengenai Nutella. Saya bersetuju untuk menceritakan kemajuan yang sedang dilakukan”.

Kenyataan di atas adalah reaksi Menteri Ekologi Perancis, Ségolène Royal, yang memohon maaf melalui akaun Twitternya dalam usaha memperbaiki apa yang telah bertukar menjadi kri-

sis Nutella di antara Itali dan Perancis, selepas ketegangan yang terjadi di antara kedua-dua negara susulan isu pendatang di Ventimiglia.

Pesanan ringkas perdamaian ini hadir selepas Agnese Landini Renzi, isteri Perdana Menteri Itali, bersama-sama dengan anak perempuannya, Esther, mengunjungi Nutella's bar of Eataly di Pameran Ekspo Milan dan memesan krep dengan Nutella dan krim.

Beberapa hari sebelumnya ketika ditemubual di televisyen, Royal telah menggesa warga Perancis supaya berhenti menggunakan Nutella untuk menyelamatkan planet ini.

Beliau merujuk kepada minyak sawit yang terkandung di dalam produk Nutella yang dianggap sebagai antara punca penebangan



hutan global secara besar-besaran.

Reaksi daripada Itali yang dilihat dilakukan dengan lebih langsung dan simbolik datang daripada Gian Luca Galletti, Menteri Alam Sekitar, dan Roberto Calderoli, Naib Pengerusi Dewan Senat, yang mengistiharkan kenyataan Royal sesuatu yang

amat ‘mbingungkan’.

Agnese telah membawa anak perempuannya Esther untuk makan krep di Nutella Bar dan disambut oleh Penaung Eataly, Oscar Farinetti.

Agnese tidak menyebut apa-apa mengenai kontroversi yang berlaku sehari sebelum itu, tetapi berita dan foto mengenai kenyataan Royal telah tersebar dengan cepat ke seluruh Eropah.

Produk berkualiti, mapan

Ferrero, syarikat pembuat Nutella yang sentiasa mempromosikan produknya sebagai berkualiti dan mapan dan sudah tentu tidak suka mengenai sebarang percubaan memboikot Nutella ini, juga tidak mengeluarkan sebarang kenyataan.

Selepas Royal menggesa rakyat Perancis supaya tidak memakan krim kacang hazel Nutella demi menyelamatkan planet ini daripada penebangan hutan, Ferrero mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

“Ferrero Perancis menggunakan seratus peratus minyak sawit yang diperakui lestari dalam produknya yang dibungkus di ‘Villers-Écalles’.

Produk Ferrero dibuat daripada penggunaan eksklusif buah sawit yang diperakui sebagai mapan dan diasingkan mengikut peruntukan untuk syarikat pembekal seperti yang yang dipersetujui oleh Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO).

Ferrero juga memaklumkan bahawa ia berjaya mencapai matlamat ini setahun lebih awal daripada tarikh akhir yang telah dirancangnya dahulu.

Bagaimanapun tanggungjawab sosial Ferrero ini tidak berakhir dengan pensijilan sahaja.

Kumpulan Ferrero juga komited untuk terus mematuhi Piagam Minyak Sawitnya yang dilancarkan pada tahun 2013 yang bertujuan menghentikan punca utama penebangan hutan serta mencapai keseimbangan yang optimum di antara alam sekitar, keperluan masyarakat dan manfaat ekonomi.

Disamping Itali dan Ferrero, Malaysia juga menyangkal kenyataan menteri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis

Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron, berkata, kenyataan Royal adalah salah serta mengelirukan masyarakat awam Perancis dan Eropah.

Industri minyak sawit Malaysia menuntut satu pengesahan daripada kerajaan Perancis bahawa komen daripada Royal ini tidak mencerminkan dasar rasmi kerajaan Perancis terhadap minyak sawit. Apatah lagi, Malaysia adalah negara pengeluar terbesar minyak sawit mampan yang diperakui. Ini secara langsung juga membuktikan bahawa Malaysia tidak memusnahkan hutannya sebagaimana tanggapan Royal dan rakan pencinta alam sekitar beliau.

Dr Yusof Basiron menjelaskan Malaysia adalah negara pengeluar terbesar dunia minyak sawit lestari serta pengeksport utama minyak sawit ke Eropah.

“Sehingga hari ini, Malaysia masih mengekalkan 62 peratus da-

ripada keluasan keseluruhan tanahnya sebagai hutan simpan kekal – satu komitmen alam sekitar yang sukar ditandingi oleh negara lain serta diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bank Dunia.

70 peratus hutan simpan kekal

“23 peratus daripada keluasan hutan ini dikhaskan untuk tujuan perlindungan dan pemuliharaan, manakala 70 peratus lagi adalah hutan simpan kekal, yang bermakna ia tidak boleh dimajukan untuk tujuan pertanian atau pembangunan. Untuk perbandingan, Perancis hanya mempunyai kira-kira 29 peratus kawasan hutan sahaja,” katanya.

Dr Yusof juga menegaskan Europe Economics, satu pertubuhan penganalisis ekonomi dunia yang dihormati, juga telah mengakui bahawa minyak sawit memberi sumbangan yang ketara kepada ekonomi Perancis.

Kajian terkini oleh Europe Economics menunjukkan kira-kira 4,600 jenis pekerjaan di Perancis mempunyai kaitan dengan import minyak sawit dan kira-kira €170 juta hasil cukai kerajaan dan sekurang-kurangnya €320 juta GDP Perancis disumbangkan oleh sektor minyak sawit.



Tarikh tutup : 15 Ogos 2015

Industri sawit Malaysia mesra alam



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Athirah Fauzi (No. K/P: 981015-11-5160) SMK Tengku Intan Zaharah, 23000 Dungun, Terengganu

ini penting bagi menjamin penanaman sawit dilakukan secara mampan tanpa memusnahkan alam sekitar, sumber asli dan biodiversiti.

Sejak kebelakangan ini, walaupun cabaran global berkaitan isu industri sawit seringkali menghimpit para pengusaha, namun perediaan industri sawit bagi mendepani cabaran itu tidak pernah dilupakan pihak kerajaan.

Selaras dengan itu, Penilaian Kitaran Hayat (LCA) telah diperkenalkan kerajaan dan ia menjadi tunjang kepada penyediaan polisi, kod amalan pensijilan seperti yang dinyatakan di atas.

Justifikasinya, LCA juga bertanggungjawab melaksanakan penyelidikan terperinci terhadap rantaian di sepanjang kitar hidup penghasilan minyak sawit hinggalah kepada penggunaan minyak biodiesel sawit pada kenderaan bermotor.

Impaknya, penyelidikan yang dilakukan LCA menghasilkan kejayaan besar terhadap pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) ke dalam ruang atmosfera. Hal ini mencetuskan perkembangan sihat penanaman sawit di Malaysia sekali gus memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam mengetengahkan industri sawit sebagai industri mesra alam.

Selain itu, pelbagai jenis biojisim dihasilkan ketika proses pengeluaran produk sawit seperti pelepah, batang, tandan, buah kosong (EFB), tempurung, gentian mesokarpa dan sisa-sisa buangan kilang sawit yang lain.

Penghasilan bahan ini merupakan tapak karbon industri yang boleh men-

Tanaman sawit sememangnya mempunyai banyak kegunaan dan mesra alam. Buktinya, disamping pokoknya mengeluarkan oksigen, tanamannya juga boleh mencegah pemanasan global. Manakala, biojisimnya diproses menjadi sumber tenaga boleh diperbaharui sementara itu, buahnya membekalkan vitamin serta tenaga dalam kebanyakan produk berasaskan sawit terutamanya minyak sayuran sawit dan lain-lain kegunaan seperti dalam bidang makanan, kosmetik, bahan bakar dan ubat-ubatan.

Ironinya, keistimewaan yang ada pada sawit ini menyebabkan permintaan produk berasaskan sawit semakin meningkat.

Oleh itu, pembangunan kawasan tanaman sawit diperluaskan bagi memenuhi permintaan pengguna kontemporari.

Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa pembangunan ini jikalau tidak diurus dengan baik, kelak akan mengundang pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

Menyedari hakikat itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperkenalkan beberapa garis panduan, pensijilan dan kod amalan dalam penanaman sawit. Antaranya ialah Kod Amalan MPOB (CoP), Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan Amalan Pertanian Baik (GAP).

Melaluinya, pengusaha didedahkan cara mengaplikasikan penggunaan anak benih berkualiti, tanah yang sesuai, menanam ke kacang penutup bumi, pembinaan teres, pengawalan perosak secara bersepadu dan sebagainya. Hal

MPOB hasil teknologi untuk kemajuan industri negara



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Ahmad Shah Abd Rani (No. K/P: 860906-08-5021) Kampung Masjid Sungai Selisik, 44020 Kuala Kubu Bharu, Selangor

Dewasa kini, usaha kerajaan dalam memperkasa kemajuan industri sawit negara dengan mengaplikasikan hasil teknologi oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah satu langkah yang baik. Disamping itu, menurut Syed Hussein Alatas (1972) pula tentang medenisasi seringkali dikaitkan dengan sains, teknologi dan industrialisasi malah masyarakat moden dikatakan sebagai satu masyarakat yang mampu menyerap dan menerima sains serta teknologi.

Sebagai contoh melalui sains dan teknologi biasanya hadir melalui proses perindustrian dan perladangan dilihat telah memberi kesan besar kepada masyarakat feudal Eropah dengan mengubah cara hidup tradisional mereka. Melalui revolusi perindustrian dan perladangan yang berlaku pada kurun ke 17, masyarakat barat telah mencapai kemajuan fizikal yang banyak menyelesaikan masalah pengangguran, makan dan kesihatan yang merupakan masalah sosioekonomi yang telah lama membelenggu mereka.

Kemajuan fizikal yang dicapai ini membolehkan pelbagai kemudahan dan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup disediakan.

Retetan itu, hasil teknologi ini berperanan dalam rasionalisasi pengeluaran sawit boleh juga dilihat dalam fasa kedua proses pengeluaran iaitu melibatkan kerja-kerja pengukuran kawasan, penanaman, kawalan kebersihan, penyantapan pelepah, penuaian, pengangkutan.

Baru-baru ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan 23 teknologi dan 14 perkhidmatan baharu sempena seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2015. Seminar tersebut adalah satu platform penting bagi industri sawit serta usahawan tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berpeluang mengkomersialkan teknologi, produk dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh MPOB.

Selain itu, sumber tenaga melalui produk pelet daripada EFB yang mempunyai potensi untuk menjadi sumber tenaga yang boleh diperbaharui dengan kaedah pemadatan gentian EFB melalui proses pemetaan adalah satu cara meningkatkan kualiti fizikal EFB dan akhirnya menghasilkan bahan bakar pelet yang seragam dan mempunyai kandungan tenaga yang tinggi.

Disamping itu juga, produk kedua iaitu SureSawit Vir Kit adalah perkhidmatan yang akan membantu penanam membangunkan jenis sawit elit baharu dengan buah yang berubah daripada warna virescent (hijau) apabila belum masak kepada warna jingga terang apabila masak. Teknologi SureSawit Vir Kit yang boleh mengenalpasti sawit yang membawa varian petunjuk warna gen VIR, dijangka dapat meningkatkan hasil minyak melalui pengeluaran buah tandan segar yang lebih baik dan peningkatan produktiviti dalam industri sawit.

Sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan tahap mekanisme, terutama dalam bidang penuaian yang bergantung kepada buruh asing, satu pertandingan bagi menghasilkan inovasi jentera ladang terbaik diadakan. Hasil mekanisasi perladangan sawit diharapkan akan dapat membantu pengeluaran sawit meningkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan.

Secara keseluruhannya, usaha Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menghasilkan teknologi untuk kemajuan industri sawit negara ini dilihat sebagai satu proses modenisasi yang melibatkan aspek masyarakat seperti berlakunya transformasi sosial dengan wujudnya sistem ekonomi perindustrian, pentadbiran organisasi yang birokratik, mobiliti dan urbanisasi selain melibatkan transformasi kognitif iaitu hadirnya meningkatkan kesedaran saintifik terhadap aplikasi teknologi dalam masyarakat.

Bahkan melalui hasil teknologi ini memperkasakan industri sawit negara terus maju dan berdaya saing sekaligus bakal menerajui kedudukan dipersada industri sawit dunia.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2015

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1- Pelajar Sekolah Menengah

Tajuk: "Kursus operasi mekanisasi ladang galak belia ceburi sektor perladangan sawit. Bincangkan".

Kategori 2 - Awam

Tajuk: "Pekebun kecil perlu berpengetahuan untuk tingkat produktiviti tanaman sawit. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan September 2015.

Hadiah
Pertama : RM250
Kedua : RM200
Ketiga : RM150

Syarat penyertaan

1. Kategori 1: Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.
2. Kategori 2: Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
3. Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan.
4. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor

kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.

5. Keputusan juri adalah muktamad.

6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Ogos 2015.

7. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Unit Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Julai 2015

Pemenang Kategori Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Athirah Fauzi
(No. K/P: 981015-11-5160))
SMK Tengku Intan Zaharah
23000 Dungun
Terengganu

Hadiah Kedua
Muhamad Haris Adril
Shamsol Amri
(No. K/P: 020131-08-0935)
SMK Dato Hj Mohd Taib
31200 Chemor, Perak

Hadiah Ketiga
Norsyazwina Hassan
(No. K/P: 020211-08-1110)
SMK Sungai Besar

45300 Sungai Besar
Selangor

Pemenang Kategori Awam

Hadiah Pertama
Ahmad Shah Abd Rani
(No. K/P: 860906-08-5021)
Kampung Masjid Sungai Selisik
44020 Kuala Kubu Bharu
Selangor

Hadiah Kedua
Boniface Anak Sup
(No. K/P: 910905-13-6491)
Hospital Lama, Jalan Hospital
86000 Kluang
Johor

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan bantuan baja kepada pekebun kecil sempena majlis perasmian Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak di Sibu. Turut hadir Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May dan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Aknan Ehtook (kiri).



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan sumbangan duit raya kepada Rumah Anak Yatim Rukaiyah Bangi sempena Majlis Sambutan Hari Raya MPOB 2015 diiringi Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May.



Warga kerja MPIC bergambar bersama Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon (dua dari kanan) serta Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri MPIC di Putrajaya.



Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan taklimat kepada Duta Colombia ke Malaysia, Victor H. Echeverri Jaramillo semasa kunjungannya ke MPOB.



Datuk Dr Choo Yuen May bersalaman dengan kakitangan MPOB selepas Majlis Perjumpaan Pengkhidmat MPOB dengan Ketua Pengarah di Ibu Pejabat MPOB. Turut kelihatan Dr. Ahmad Kushairi Din.